



● Yang Dipertua LKPI, Tunku Puan Besar Khursiah sedang menyematkan lencana ke dada Datin Seri Dr. Hasmah

Kursus khas mengenai keluarga dicadangkan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah mengesyorkan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) mengadakan kelas atau kursus khas mengenai rumahtangga kepada pasangan muda-mudi yang bercadang mendirikan rumahtangga.

Beliau selaku Penaung Lembaga itu berkata, satu badan penasihat juga perlu ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah muda-mudi yang baru sahaja mendirikan rumah tangga.

Datin Seri Dr Siti Hasmah mengesyorkan demikian ketika merasmikan mesyuarat agung LKPI di bangunan Tunku Besar Khursiah, Jalan Pantai Baharu di sini, hari ini.

Beliau berkata, kursus seperti itu amat berguna untuk mengelakkan pasangan yang baru berumah tangga berselisih faham hingga terpaksa bercerai.

Katanya, keharmonian dan kebahagiaan keluarga dan rumah tangga memerlukan perhatian semua pihak kerana kesejahteraan keluarga menjamin kesejahteraan negara.

"Bagaimanapun," tegasnya, "Masih terdapat ramai pasangan yang memasuki alam perkahwinan tidak mengetahui dengan sebenarnya tanggungjawab mereka sebagai suami isteri hingga akhirnya terjadi perceraian", tambahnya.

Menurutnya, jika keadaan ini berterusan, yang menjadi mangsa ialah

anak-anak yang mungkin tidak dapat menerima didikan sepenuhnya dari ibubapa.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah berkata, negara kini sedang berusaha membasmi wabak dadah yang sedang melanda masyarakat, khususnya anak-anak muda.

Dalam hal ini, tegas beliau, tanggungjawab sebagai ibu dan bapa untuk memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak adalah amat penting bagi menghindarkan mereka daripada terpengaruh dengan kegiatan yang tidak sihat ini.

Menurut beliau, LKPI adalah sebuah badan sukarela yang menumpukan kegiatannya dalam kerja-kerja kebajikan di samping berusaha meniggikan syiar Islam dan memperbaiki taraf kehidupan wanita Islam.

Tanggungjawab

"Lembaga Pusat, Negeri dan Daerah seharusnya mampu merancang berbagai aktiviti yang lebih berkesan supaya tidak ada lagi wanita-wanita Islam merasa ketinggalan dalam arus pembangunan," katanya.

Mengenal usaha lembaga menubuhkan Pergerakan Puteri Islam, beliau berharap usaha dapat dilakukan untuk menarik lebih ramai lagi gadis-gadis Islam menyertainya.

"Saya merasa agak dukacita mendapat tahu ada segolongan kecil ahli-ahli Puteri Islam, telah mengubah syarat-syarat pakaian seragam mengikut hati sendiri," tegasnya.

Beliau menasihatkan ahli-ahli Puteri Islam supaya memahami benar-benar perlembagaan dan mematuhiinya dengan baik untuk mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

No. Siri

No. Pen